

06/03/2002

CTPM diiktiraf ketua negara Komanwel

COOLUM, (Queensland), Selasa - Inisiatif Malaysia iaitu projek Perkongsian bagi Pengurusan Teknologi Komanwel (CPTM) terus mendapat pengiktirafan dan sokongan ketua negara Komanwel.

Dalam Penyataan Coolum yang dikeluarkan pada akhir mesyuarat Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di sini hari ini, mereka menegaskan sokongan kepada matlamat serta kegiatan CPTM termasuk rangkaian pengurusan teknologi kepada pembangunan perniagaan selain inisiatif dialog perkongsian pintar.

CTPM yang digerakkan oleh Malaysia adalah untuk menggalak perkongsian pintar menerusi dialog di kalangan negara anggota Komanwel. Perkongsian pintar itu dilakukan menerusi Dialog Antarabangsa Langkawi (LID), Dialog Antarabangsa Afrika Selatan (SAID) dan Dialog Antarabangsa Barbados (BID).

Bercakap kepada wartawan Malaysia di sini, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata sokongan berterusan pemimpin Komanwel terhadap CPTM adalah satu petanda baik.

"Sehingga kini, kerajaan Malaysia masih meneruskan projek itu melalui dialog dan ia mendapat sambutan baik di kalangan negara anggota apabila ia diadakan di negara Selatan dan Kepulauan Caribbean," katanya.

Penyataan Coolum itu turut menyatakan persetujuan Ketua Kerajaan Komanwel berhubung komitmen kepada keamanan antarabangsa, demokrasi, urus tadbir, hak asasi manusia, kebebasan bercakap dan pematuhan undang-undang.

Mengenai keganasan antarabangsa, Ketua kerajaan negara bekas jajahan British yang mewakili satu pertiga penduduk dunia (1.7 bilion) sepakat menangani masalah berkenaan sehingga ke akar umbi.

Penyataan Coolum itu berkata mereka bersetuju supaya punca kepada kegiatan keganasan difahami bagi mewujudkan harmoni di kalangan negara dan rakyatnya yang pelbagai kepercayaan dan budaya.

Pertubuhan dianggotai 54 negara itu mengulangi kutukan secara mutlak terhadap semua bentuk keganasan yang memberi kesan kepada kehilangan nyawa manusia serta gangguan kepada kestabilan politik, ekonomi dan sosial.

Pendirian itu diulangi dalam Deklarasi Coolum yang turut dikeluarkan dengan menegaskan komitmen untuk menghapus keganasan dan berikrar bekerjasama bagi memenuhi tanggungjawab antarabangsa menangani penganas.

Permuafakatan bagi memahami punca keganasan itu juga sekali gus menggambarkan kejayaan peribadi bagi Malaysia kerana sejak tragedi 11 September, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerap kali menggesa masyarakat dan badan antarabangsa untuk mengenal pasti akar punca kegiatan keganasan dalam usaha menanganinya.

Penyataan Coolum dan Deklarasi Coolum itu diumumkan Pengerusi CHOGM kali ini, John Howard yang juga Perdana Menteri Australia dalam sidang akhbar di Pusat Media di sini, hari ini.

(END)